



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَحوَالِ اِلَامِ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاهِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 ZULHIJJAH 1446H / 30 MEI 2025M

“PERPADUAN ASAS KESEJAHTERAAN UMMAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ
مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

﴿آل عمران: 103﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

JEMAAH MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan pada hari yang mulia ini yang bertajuk: **“Perpaduan Asas Kesejahteraan Ummah”**

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam merupakan agama yang mementingkan ukhwh dan perpaduan dalam kalangan penganutnya. Oleh itu, ciri utama dalam semua ibadat yang kita lakukan adalah bersandarkan ukhwh serta perpaduan. Contohnya, ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji yang disyariatkan kepada kita adalah antara lainnya bertujuan untuk membina ukhwh serta perpaduan dengan itu mampu menjadikan kita mukmin yang bersaudara.

Perpaduan adalah asas kekuatan umat Islam. Tanpa perpaduan, umat Islam akan menjadi lemah, berpecah, dan mudah dijajah dari segi pemikiran, budaya, dan kuasa. Sejarah Islam menunjukkan bahawa setiap kali umat Islam bersatu, mereka akan mencapai kegemilangan dan kemenangan. Namun apabila mereka berpecah, maka kehinaan dan kekalahan akan menimpa.

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 103 yang dibacakan pada awal khutbah yang **bermaksud**: “*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.*”

Ayat ini dengan jelas menyeru umat Islam menjalani tanggungjawab menyatupadukan ummah dan melarang dari berpecah belah. Perpaduan dalam kalangan umat Islam bukan sekadar suatu keperluan yang bersifat luaran, tetapi ikatan persaudaraan atau ukhuwah Islamiyah yang dijalin dengan iman dan Islam. Selain itu, Islam perlu difahami sebagai agama yang menekankan kepada kesatuan, kebersamaan yang didasari oleh asas akidah tauhid yang kukuh. Asas tauhid ini seharusnya sudah cukup kuat untuk menyatukan umat Islam walaupun terdapat perbezaan dalam beberapa pendirian yang dipilih dalam perkara tertentu. Usaha pelbagai pihak bagi mengelakkan umat Islam dari berpecah belah perlu diberi sokongan padu kerana ia merupakan satu perkara yang dituntut dalam agama. Allah SWT berfirman dalam surah Al Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasulullah SAW sebagai teras perpaduan ummah telah memberi contoh yang terbaik kepada kita dengan menyeru kita memperteguhkan kewajipan memelihara hubungan persaudaraan yang menjana kepada perpaduan dan kesatuan ummah. Dalam misi menyebarkan agama Islam, Rasulullah SAW telah mengikat umat Islam dengan erat melalui konsep akidah, kiblat yang satu, kitab yang satu, pemimpin yang satu.

Justeru, untuk memupuk perpaduan dalam zaman yang serba moden dan mencabar ini, singkaplah lipatan sejarah untuk melihat bagaimanakah

pelaksanaan generasi terdahulu iaitu para sahabat Baginda SAW dalam menjalin hubungan sesama mereka. Generasi yang berjaya dibentuk oleh Rasulullah SAW menjadi pembina tamadun mithali yang unggul sepanjang zaman. Transformasi awal telah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW, maka kini kitalah yang bertanggungjawab untuk meneruskannya.

Antara langkah utama yang masyhur dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam membina perpaduan adalah mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Persaudaraan yang diterapkan dalam Islam adalah berasaskan kesatuan akidah, iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Perbezaan bangsa atau kedudukan tidak menghalang hubungan persaudaraan Islam. Persaudaraan yang berasaskan akidah dan kepercayaan dapat mewujudkan kerjasama yang erat antara golongan Muhajirin dan golongan Ansar. Nabi Muhammad SAW berjaya melahirkan kesatuan ummah yang mampan dan membentuk masyarakat Islam yang harmonis dalam sebuah negara Islam. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Seorang Muslim itu adalah saudara bagi Muslim yang lain, dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya (dalam kesulitan).”* (HR. Bukhari dan Muslim)

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat unik dan istimewa kerana dihuni oleh rakyat pelbagai kaum, agama, dan kepelbagaian budaya. Meskipun kepelbagaian ini wujud, Islam tetap menjadi agama bagi Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Dalam masa yang sama, rakyat yang menganut agama selain Islam bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing secara aman dan harmoni. Kebebasan beragama ini menjadi asas penting dalam membina

perpaduan negara yang kukuh, sekaligus membentuk satu identiti rakyat Malaysia yang saling menghormati dan hidup dalam semangat muhibah. Sebagai pelengkap kepada usaha ini, Rukun Negara telah digubal bagi menyatukan rakyat di bawah prinsip-prinsip yang mendasari keharmonian dan kestabilan negara. Antara nilai teras Rukun Negara seperti Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kesopanan dan Kesusilaan. Ia juga amat bertepatan dengan ajaran Islam yang membawa konsep “*Rahmatan lil ‘alamin*”. Islam sebagai *ad-din* yang sempurna telah menyediakan panduan menyeluruh dalam aspek kehidupan manusia, sama ada dalam urusan akidah, ibadah, perundangan, muamalah, hubungan sosial, mahupun hubungan antara Muslim dan bukan Muslim.

HADIRIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Islam meletakkan dasar-dasar tetap yang merangkumi prinsip toleransi, keadilan, berkebakikan, tolong-menolong dan belas ihsan terhadap semua manusia. Prinsip ini menjadi asas kepada hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, ayat 90:

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”

Inilah prinsip keemasan yang menjadi asas kepada kehidupan bernegara serta sejagat secara harmoni dan bertamadun, sebagaimana yang dicontohi oleh Rasullulah SAW Ketika membina Masyarakat madani di Madinah Al-Munawwarah.

Mengakhiri khutbah ini, mimbar ingin menyeru muslimin sekalian agar bersama-samalah menjulang perpaduan dalam kehidupan seharian. Dengan perpaduan, kita boleh memartabatkan kembali kekuatan ukhwah, penyatuan ummah, penguasaan ekonomi serta kualiti sosial umat Islam pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, kita tiada pilihan lain kecuali kembali bersatu bersama-sama dalam menjulang perpaduan berdasarkan ketaatan kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah demi kelangsungan kecemerlangan generasi masa hadapan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَقْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.